

Headline	Loji CESSB di KLIA mula beroperasi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	31
ArticleSize	383 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 29,817		



Hasilkan tenaga penyejukan lebih efisien, kurangkan kos operasi RM50 juta setahun **Loji CESSB di KLIA mula beroperasi**

PETALING JAYA – Cooling Energy Supply Sdn. Bhd. (CESSB), syarikat usaha sama antara Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) telah melancarkan operasi dan penyelenggaraan loji penyejukan daerah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 1 Julai lalu.

CESSB dimiliki oleh anak syarikat milik penuh TNB, TNB Engineering Corporation Sdn. Bhd. (TNEC) sebanyak 70 peratus, manakala baki dipegang oleh anak syarikat milik penuh MAHB, Airport Ventures Sdn. Bhd.

CESSB telah ditubuhkan tahun lalu bagi membekal tenaga elektrik dan penyejukan kepada lapangan terbang tersebut.

Pengerusi TNEC, Lim Fu Yen berkata, kerjasama antara TNB dan MAHB akan menyerlahkan aspirasi TNB untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa.



FU YEN

“Kami yakin usaha sama ini bakal menyumbang dengan ketara dan positif terhadap kepuasan pelanggan bagi penumpang yang menggunakan KLIA,” katanya dalam kenyataan semalam.

Di bawah perjanjian konsesi 20 tahun yang dimeterai kedua-dua pihak, CESSB akan mengendalikan, menyelenggara dan menaik taraf loji penyejukan daerah se-

dia ada yang merupakan antara yang terbesar di Malaysia.

Syarikat usaha sama ini juga akan menjual, mengagih dan membekalkan tenaga elektrik dan penyejukan kepada pelanggan di KLIA dan sekitarnya menggunakan teknologi moden, efisien dan berdaya harap.

Menurut Fu Yen, usaha sama ini penting bukan sahaja untuk dua Kumpulan berkenaan tetapi juga akan memodenkan loji penyejukan daerah di KLIA dan menyatukan keperluan tenaga di bawah pembekal yang sama memandangkan TNEC juga membekalkan tenaga elektrik dan penyejukan untuk KLIA2.

CESSB akan menaik taraf loji sedia ada yang berkuasa gas kepada loji yang menggunakan elektrik sepenuhnya.

Sehubungan itu, loji tersebut akan menghasilkan tenaga penyejukan dengan lebih efisien seterusnya mengurangkan kos operasi KLIA sehingga lebih



LOJI penyejukan daerah CESSB di KLIA akan dinaik taraf menggunakan tenaga elektrik sepenuhnya.

RM50 juta setahun.

TNEC adalah pakar dalam bidang kejuruteraan sistem tenaga mampan dan peneraju dalam bidang pembangunan, operasi dan penyelenggaraan loji penyejukan

daerah serta projek solar berskala besar.

Syarikat itu juga telah berjaya membina beberapa loji penyejukan di Malaysia dan dua di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.